# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 27 SEPTEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br><br>2.<br>3. | AGRICULTURE MINISTER: B40 FARMING PROJECT PLANNING FOR NEXT YEAR, NATION, SIN CHEW DAILY -3<br>BEKALAN BENIH PADI SAH: KUOTA TAMBAHAN TUNGGU KELULUSAN, BH -ONLINE<br>AGROFEST PERAK 2019 PAMER HASIL TANI, PRODUK TERBAIK, UM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br><br>5.<br>6.<br><br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br><br>12.<br>13.<br>14.<br><br>15. | PEMAIN INDUSTRI TERNAKAN DISARAN TEROKA BIDANG BAHARU, DVS 125 TAHUN KEMATANGAN MEMACU KECEMRLANGAN, SH -19<br>SEKTOR TERNAKAN NEGARA PERLU AGRESIF DEPANI IR4.0, NASIONAL, BH -12<br>1,000 GOLONGAN B40 DAPAT MANFAAT SKIM REZEKI TERNAK TAHUN DEPAN, NASIONAL, BH -12<br>SKIM REZEKI TERNAK MULAI TAHUN DEPAN, MY METRO -ONLINE<br>INDUSTRI TERNAKAN NEGARA PERLU AGRESIF MENDEPANI IR4.0, BH -ONLINE<br>BERANI TERIMA TEKNOLOGI BARU DAN MELABUR, MY METRO -ONLINE<br>PERLU BERANI TERIMA TEKNOLOGI BAHARU, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -20<br>WAN AZIZAH: BIRD'S NEST INDUSTRY WORTH TO BE PROMOTED, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6 WAN AZIZAH: GIVE ATTENTION TO BIRDS NESTS INDUSTRY FOR ITS HUGE POTENTIAL, NATION, CHINA PRESS -A8<br>DPM: BIRD'S NEST INDUSTRY SHOULD BE VALUED, NEWS, GUANG MING DAILY -A6<br>DPM: BIRD NEST INDUSRTY HAS GREAT POTENTIAL, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A20<br>GOVERNMENT VALUES BIRD'S NEST INDUSTRY, GROW 40PCT ANNUALLY, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A5 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 16.<br>17.<br><br>18. | DUA BOT VIETNAM DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -40<br>EAFM PASTIKAN PERIKANAN KEKAL EKOSISTEM DAN KONSISTEN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>MARITIM MALAYSIA TAHAN DUA BOT VIETNAM, UM -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 19. | JABATAN PERTANIAN PANTAU JUALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BERDAFTAR, BH -ONLINE | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 20.<br>21. | MAQIS RAMPAS 1,000KG PETAI, SINAR NEGERI KEDAH, SH -35<br>1,000KG PETAI DIRAMSPAS, SH -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 22. | GUNA DRON RACUN, TABUR BAJA SAWAH, NASIONAL, BH -62 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 23. | MESYUARAT AGUNG PPN KEDAH TOLAK PEWARTAWAN PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG, UM -ONLINE | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 24. | KOMITED TUMPU SEKTOR PERTANIAN, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -40 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 25.<br><br>26. | TERENGGANU MAHU CONTOHI KONSEP PERTANIAN BANDAR DI JEPUN, SH -ONLINE<br>3 TAHUN TAK BELI SAYUR, WM, HM -75 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Agriculture Minister: B40 farming project planning for next year | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,727 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,182 |



## 農長：初步挑選1000人參與
# 明年擬推B40畜牧計劃

（马六甲26日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁披露，该部计划在明年推行B40群体畜牧计划，初步阶段将挑选1000人参与。

他指出，该部将向财政部申请此计划列入明年的财政预算案中。

他今日在马六甲举行的兽医服务125周年活动上致词时表示，此计划目标是增加国内的牛肉及羊肉生产，以便减少入口，在落实计划时，参与者可向该部申请牛及羊只作为开始。

沙拉胡丁说，该计划成功落实后，希望将我国对牛肉的自给率，从23%提高至30%，同时也希望本地农场可将鲜奶在[illegible]给小学生享用。

此外，他在新闻发布会上说，其实这项畜牧计划在建国初期的60至70年代已进行，不过后来因[illegible]因素而停止。

他说，除了提供牛只或羊只，该部也将提供技术[illegible]及农场管理知识予参与者。

### 兽医局：没接野猪增加投报

另外，尚[illegible]野猪从苏门答腊游泳越过马六甲海峡登陆在[illegible]的说法，兽医局总监[illegible]说，该部没有接获野猪数量增加的投报。不过，该部已抽取有关野猪的样本，以进行脱氧核糖核酸（DNA）检验，鉴定野猪的来源。



[illegible]阿兹莎（左二）为活动主持开幕。左为沈志勤，右起为阿[illegible]、[illegible]、沙拉胡丁。

## 阿茲莎：應重視燕窩業

副首相兼妇女及家庭发展部长拿督斯里旺阿兹莎致词时说，燕窝业应获得重视，这是一门对环境友善的行业。

她说，燕窝业潜在巨大，一年的成长率可达至40%。

旺阿兹莎说，其他畜牧业如养鸡鸭业的发展虽已稳定，但仍需要转变，除了提高生产品质，也需对环境更加友善。

她指出，畜牧业共创造了140亿令吉的出产额，占国家农业生产总值的14.86%及占国家生产总值的1.11%。

"蛋鸡、肉鸡、鸭、燕窝的出口成长令人鼓舞，显示我国在这方面的潜质。"

她指出，在私人界与政府的共同努力下，我国的养鸡业已达至100%以上自给的情况，她希望养牛及养羊业也能进一步的提升。

### 促加强研发拓新领域

她鼓励相关单位协助农民利用科技，并促请本地研究者加强研发，利用科学探索及开拓新的领域。

"随着人口的增加，畜牧业者的角色更重要，使用旧方式的业者将被抛在后头，在自由市场里，竞争力是一项重要的武器，畜牧业者需接受新科技及更大面积的投资。"

出席者包括甲州首席部长阿都拉萨，农业与农基工业部副部长沈志勤。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Bekalan benih padi sah: Kuota tambahan tunggu kelulusan




KUALA LUMPUR: Penyusunan semula kuota tambahan terhadap bekalan benih padi sah sebanyak 2,500 tan bagi menampung keperluan pesawah di Perak sudah dikemuka dan kini dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya mengambil maklum berhubung isu kegagalan pesawah memulakan musim penanaman padi kerana tidak mendapat bekalan benih sah daripada syarikat berkaitan.

Sehubungan itu, beliau menyuarakan komitmen bahawa kemelut yang berupaya menjejaskan pengeluaran hasil padi negara berkenaan akan diselesaikan secepat mungkin.

"Kita sedar dan prihatin mengenai isu ini (pesawah tidak mendapat bekalan padi sah untuk memulakan musim penanaman), justeru kementerian sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Kewangan dan ia dijangka dapat diselesaikan segera.

"Setakat ini, (kuota tambahan benih padi sah kepada syarikat pembekal) belum mendapat kelulusan Kementerian Kewangan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Semalam, BH melaporkan lebih 4,000 pesawah di Bagan Serai, Perak bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapat padi sah daripada pembekal seluruh negara.

Ketua Unit Peladang Parit Haji, Muslan Mohd Napiah, yang merintih mengenai isu itu berkata, ia disebabkan sembilan syarikat pembekal terbabit belum menerima kuota tambahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah, khususnya di Bagan Serai.

Susulan isu terbabit, Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, dilaporkan berkata akan menyerahkan satu memorandum khas kepada Salahuddin, selain mencadangkan supaya beberapa lagi kilang membekal benih padi dibina bagi mengatasi masalah terbabit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Agrofest Perak 2019 pamer hasil tani, produk terbaik



IPOH 26 Sept. – Pelbagai inovasi dalam bidang industri asas tani selain produk-produk terbaik pertanian dipamerkan kepada pengunjung pada Agrofest Perak 2019 di pekarangan Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) di Gopeng dekat sini yang bermula hari ini.

Agrofest Perak 2019 bukan sekadar menjual tetapi juga mengetengahkan hasil usaha pekebun, peladang, penternak dan usahawan tani yang kebanyakannya merupakan produk-produk terbaik.

Penolong Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Perak (UPEN), Natasha Azahar berkata, acara yang berlangsung selama empat hari ini itu melibatkan penyertaan kira-kira 130 usahawan mengikut kluster masing-masing.

Menurut beliau, setiap kluster dibahagikan mengikut laman antaranya pertanian, industri dan teknologi, veterinar, perikanan dan empayar makanan.

"Pelbagai acara disediakan seperti demonstrasi memasak dan kraftangan, pameran dan jualan produk industri asas tani, pameran pertanian bandar dan agronomi serta pameran perosak dan penyakit tanaman padi.

"Laman perikanan misalnya mempamerkan pelbagai spesies ikan serta hidupan marin seperti belangkas. Tidak ketinggalan 'petting zoo' yang mempamer haiwan-haiwan seperti arnab, kambing dan lembu sado," ujarnya.

Agrofest Perak 2019 anjuran UPEN dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan antaranya Jabatan Pertanian negeri, Jabatan Veterinar negeri, Jabatan Perikanan negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI).

Natasha memberitahu, bagi mereka yang ingin tahu tentang teknik bertani juga boleh singgah di laman pertanian selain menyaksikan pameran pemenang pertandingan produk-produk industri asas tani dan hasil-hasil pertanian.

Katanya lagi, tidak ketinggalan ialah persembahan pentas bagi menghiburkan pengunjung pada pukul 8 malam antaranya menampilkan artis seperti Asheed Def Gab C pada hari Sabtu dan Ronnie Huseein pada hari Ahad.

"Majlis perasmian dijangka bakal disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pada hari Sabtu selain penyampaian anugerah dalam 13 kategori dipertandingkan.

"Semua lapisan rakyat negeri ini termasuk dari luar Perak dialu-alukan datang dan melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dianjurkan selaras matlamat kita bagi memacu sektor pertanian," ujarnya. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | SINAR HARIAN | DVS 125 TAHUN KEMATANGAN MEMACU KECEMERLANGAN | 19 |

DVS 125 Tahun Kematangan Memacu Kecemerlangan

# PEMAIN INDUSTRI TERNAKAN
## DISARAN TEROKA BIDANG BAHARU



Wan Azizah (empat dari kanan) dan Salahuddin (tiga darikanan) menunjukkan Buku Coffee Table 125 tahun dan setem kenangan Sempena Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Vaterinar di dewan konvensyen Freeport A' Famosa di simpang Ampat semalam.



Wan Azizah (tengah), Salahuddin (kanan) dan Adly (kiri) ketika Majlis Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar di Dewan Konvensyen Freeport A'Famosa di Simpang Ampat, Alor Gajah semalam.

NORFARHANA YAACOB

ALOR GAJAH - Pemain industri dan penyelidik terutama dalam ternakan ruminan disarankan tidak hanya bergantung kepada teknologi dari negara lain bagi menjamin kelestarian dan pembangunan industri itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, golongan itu perlu berani ke hadapan dan lebih agresif untuk meneroka bidang baharu yang lebih saintifik serta terkini supaya ternakan itu maju dan terkehadapan.

Menurutnya, perubahan itu sewajarnya dilakukan segera kerana kebergantungan negara terhadap teknologi diimport tidak menjanjikan perkembangan yang mampan.

"Saya yakin Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus melaksanakan dasar-dasar yang selari dengan perubahan di dalam masyarakat dan industri daripada segi perkembangan pengetahuan dan teknologi berkaitan pertanian.

"Cabaran seterusnya untuk mengangkat industri ternakan menjadi pemain penting dalan usaha ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar di Dewan Konvensyen Freeport A'Famosa di Simpang Ampat, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan.

Wan Azizah berkata, industri penternakan ruminan merupakan satu aktiviti ekonomi yang terpenting dalam pembangunan luar bandar.

Menurutnya, terbukti tahun lalu, industri ternakan mencatatkan nilai pengeluaran pada tahap RM14.785 bilion dan menyumbangkan 14.86 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian dan 1.11 peratus KDNK negara.

Katanya, negara juga ada kekuatan di dalam beberapa subsektor eksport termasuk industri telur, ayam pedaging dan itik selain sarang burung walit yang telah mencatatkan pertumbuhan sehingga 40 peratus setahun.

> "Cabaran seterusnya untuk mengangkat industri ternakan menjadi pemain penting dalan usaha ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi," - Wan Azizah

### Skim Rezeki Ternak bakal perkasa, mantapkan industri

**ALOR GAJAH** - Skim Rezeki Ternak akan diperkenalkan sebagai salah satu langkah kementerian untuk memperkasakan dan memantapkan industri penghasilan daging di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, cadangan menjenamakan semula program itu yang dahulunya dikenali Sistem Lembu Pawah pada tahun depan bagi membolehkan kementerian memfokuskan manfaat kepada 1,000 peserta golongan sasar yang terdiri dalam kalangan pengusaha B40.

Menurutnya, industri dominan yang dipelopori di negara ini mencapai hasil hanya 23 peratus dan kerajaan menyasarkan peningkatan 30 peratus dalam jangka masa lima tahun akan datang.

"Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menawarkan lima ekor lembu atau 10 ekor kambing bagi seorang pengusaha selain dapat membantu golongan penternak, skim ini juga dijangka mampu meningkatkan Tahap Kemandirian Sendiri (SSL).

"Penternak akan diberikan modul pengurusan penternakan yang betul agar dapat melahirkan pengusaha berkemahiran tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Vetarinar di Dewan Persidangan dan Pameran Freeport A' Famosa Outlet di Simpang Ampat di sini semalam.

Salahuddin berkata, golongan penternak akan diberikan modul pengurusan penternakan yang betul supaya dapat melahirkan pengusaha yang berkemahiran tinggi di dalam industri ini.

Menurutnya, kerajaan juga komited mempertingkatkan tujuh peratus daripada jumlah itu, sekali gus akan mengurangkan kebergantungan negara luar yang menerima bekalan daging hampir 77 peratus.

Bagaimanapun katanya, perlaksanaan terbabit bergantung kepada peruntukan yang dikeluarkan pada Bajet 2020.



"Jadi kita akan tunggu peruntukan yang dikeluarkan dan kita jangka akan disasarkan seramai 1,000 penternak akan menerima manfaat ini dahulu malah akan dilaksanakan secara berperingkat dalam masa lima tahun ini.

"Perlaksanaan ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan harap dapat membantu meningkatkan kadar penghasilan daging dari negara ini," katanya.

### Reaksi



**"Terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang banyak membantu saya selama lebih 10 tahun, bermula daripada menghasilkan produk bahulu di rumah kini, dapat diperkembangan lagi dengan menghasilkan lima jenis bahulu termasuk bahulu serunding."** - *Usahawan Veterinar Selangor, NorAida Mohd Sulong, 50.*



***"Syabas dan tahniah dengan pencapaian 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar dan diharap jabatan ini akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia. Saya berharap sokongan terus berpanjangan dan menjadi titik tolak bahawa jabatan ini bukan calang-calang."***
*-Kakitangan Unit Integriti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia Saipol Nizam Hasan,40.*



**"Terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang banyak membantu saya selama lebih 10 tahun, bermula daripada menghasilkan produk bahulu di rumah kini, dapat diperkembangan lagi dengan menghasilkan lima jenis bahulu termasuk bahulu serunding."** - *Usahawan Veterinar Selangor, NorAida Mohd Sulong, 50.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 12 |


# Sektor ternakan negara perlu agresif depani IR4.0

## Pemain industri perlu lebih berdaya saing hadapi cabaran semasa: TPM

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my



*Dr Wan Azizah menerima jambangan bunga ketika hadir program Sambutan 125 Tahun Veterinar Malaysia di Alor Gajah, semalam.* (Foto Khairunisah Lokman/BH)

**Alor Gajah:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, industri ternakan negara berupaya berkembang lebih positif dengan penambahbaikan agresif dari segi perkembangan pengetahuan dan teknologi terbaru berkaitan pertanian dalam usaha mendepani Revolusi Industri (IR4.0).

Justeru, Timbalan Perdana Menteri berkata, pemain industri perlu lebih berdaya saing selari dengan perubahan semasa bagi menghadapi cabaran mengangkat industri ternakan ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi.

"Saya yakin Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) akan terus melaksanakan dasar selari perubahan dalam masyarakat dan industri dari segi perkembangan pengetahuan serta teknologi berkaitan pertanian.

"Cabaran seterusnya adalah mengangkat industri ternakan menjadi pemain penting dalam usaha ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi dan pada masa sama, memastikan perkhidmatan veterinar sentiasa relevan terhadap keperluan warga ternak, industri ternakan dan rakyat secara amnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan 125 Tahun Veterinar Malaysia, di Dewan Persidangan dan Pameran, di Freeport A Famosa Resort, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Adly Zahari; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Dr Wan Azizah berkata, usaha berkenaan juga sekali gus memperkasakan perkhidmatan itu terhadap pengawalan penyakit haiwan khususnya bersifat zoonotik, pengeluaran ternakan dan hasil ternakan bagi keperluan rakyat, seterusnya memberi keselamatan makanan negara terlaksana.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, beberapa subsektor penternakan negara menunjukkan pertumbuhan eksport menggalakkan termasuk industri telur, ayam pedaging, itik dan sarang burung walit.

"Malaysia mempunyai kekuatan dalam subsektor itu. Ia terbukti dalam pembangunan industri ayam dan telur yang kini mencapai kadar sara diri melebihi 100 peratus hasil kerjasama erat, saling melengkapi antara kerajaan dan swasta sejak dulu," katanya.

Untuk rekod, industri ternakan mencatatkan nilai pengeluaran sehingga RM14.785 bilion dan menyumbang 14.86 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian dan 1.11 peratus KDNK negara pada 2018.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 12 |

# 1,000 golongan B40 dapat manfaat Skim Rezeki Ternak tahun depan

**Alor Gajah:** Seramai 1,000 penternak khususnya dalam kalangan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dijangka mendapat manfaat daripada Skim Rezeki Ternak yang akan diperkenalkan tahun hadapan.

Penambaikan kepada Sistem Lembu Pawah yang dilaksanakan pada 1960-an dan 70-an tetapi dihentikan pada 90-an itu, bertujuan merancakkan lagi industri dominan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata menerusi skim itu, kementerian akan membekalkan lima ekor lembu atau 10 ekor kambing kepada setiap keluarga atau peserta dan mereka akan dilatih menjadi penternak berkemahiran.

Beliau yakin skim berkenaan mampu menarik lebih ramai penternak baharu, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada daging import.

"Kita percaya skim itu akan merancakkan lagi industri ruminan dalam tempoh lima tahun akan datang iaitu meningkat kepada 30 peratus kerana ketika ini industri daging hanya mencapai kadar sekitar 23 peratus kadar sara diri (SSL)," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas Majlis Sambutan 125 Tahun Veterinar Malaysia di sini semalam, beliau berkata, bagi melaksanakan semula program itu, pihaknya akan memohon sejumlah peruntukan menerusi Belanjawan 2020.

Katanya, kementeriannya juga akan menyediakan modul pengurusan perladangan kepada peserta supaya mereka memperoleh ilmu yang mencukupi serta terlatih sebelum memulakan projek berkenaan.

"Saya juga akan pastikan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) turut memantau projek ini selain memberi latihan secukupnya kepada peserta," katanya.

*Menerusi skim itu, kementerian akan membekalkan lima ekor lembu atau 10 ekor kambing kepada setiap keluarga atau peserta dan mereka akan dilatih menjadi penternak berkemahiran.*

*Salahuddin Ayub,*
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | MY METRO | ONLINE | |

# Skim Rezeki Ternak mulai tahun depan



Dr Wan Azizah (dua dari kiri) merasmikan sambutan ke-125 Veterinar Malaysia.

KERAJAAN akan memperkenalkan Skim Rezeki Ternak kepada pengusaha ternakan daging terpilih bermula tahun depan dalam usaha merancakkan industri ternakan ruminan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Datuk Salahuddin Ayub berkata, buat permulaan skim itu disasarkan kepada 1,000 peserta baharu yang dipilih daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Menurutnya, skim itu dijangka dilaksanakan tahun depan bergantung kepada kelulusan Belanjawan 2020 yang dibentangkan Oktober ini.

"Usaha ini juga bagi mencapai kadar sara diri (SSL) ternakan ruminan yang mana pengeluaran industri daging kita hanya sekitar 23 peratus ketika ini.

"Kita sasarkan ia boleh mencapai sehingga 30 peratus dalam tempoh lima tahun lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Freeport A'Famosa, Alor Gajah hari ini.

Mengulas lanjut Salahuddin berkata, Skim Rezeki Ternak adalah hasil penjenamaan semula daripada sistem lembu pawah yang terbukti berkesan mengurangkan kebergantungan kepada daging import.

"Di bawah skim ini, setiap peserta dipilih diberi modul latihan pengurusan, lima ekor lembu atau 10 ekor kambing.

"Ini juga penting untuk kita buktikan Jabatan Veterinar mampu mengurangkan kebergantungan terhadap 77 peratus daging import ketika ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Industri ternakan negara perlu agresif mendepani IR4.0



ALOR GAJAH: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, industri ternakan negara berupaya berkembang lebih positif dengan penambahbaikan agresif dari segi perkembangan pengetahuan dan teknologi terbaru berkaitan pertanian dalam usaha mendepani Revolusi Industri (IR4.0).

Justeru, Timbalan Perdana Menteri berkata, pemain industri perlu lebih berdaya saing selari dengan perubahan semasa bagi mendepani cabaran mengangkat industri ternakan ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi.

"Saya yakin Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) akan terus melaksanakan dasar selari dengan perubahan dalam masyarakat dan industri dari segi perkembangan pengetahuan serya teknologi berkaitan pertanian.

"Cabaran seterusnya adalah mengangkat industri ternakan menjadi pemain penting dalam usaha ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi dan pada masa sama, memastikan perkhidmatan veterinar sentiasa relevan terhadap keperluan warga ternak, industri ternakan dan rakyat secara amnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar, di Dewan Persidangan dan Pameran, di Freeport A Famosa Resort, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Adly Zahari; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Dr Wan Azizah berkata, ia sekali gus memperkasakan perkhidmatan itu terhadap pengawalan penyakit haiwan khususnya bersifat zoonotik, pengeluaran ternakan dan hasil ternakan bagi keperluan rakyat, seterusnya memberi keselamatan makanan negara terlaksana.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, beberapa subsektor penternakan negara menunjukkan pertumbuhan eksport menggalakkan termasuk industri telur, ayam pedaging, itik dan sarang burung walit.

"Malaysia mempunyai kekuatan dalam subsektor itu. Ia terbukti dalam pembangunan industri ayam dan telur yang kini mencapai kadar sara diri melebihi 100 peratus hasil kerjasama erat, saling melengkapi antara kerajaan dan swasta sejak dulu," katanya.

Untuk rekod, industri ternakan mencatatkan nilai pengeluaran sehingga RM14.785 bilion dan menyumbang 14.86 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian dan 1.11 peratus KDNK negara, pada 2018.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | MY METRO | ONLINE | |

# Berani terima teknologi baru dan melabur



PEMAIN industri ternakan negara perlu berani menerima teknologi baru dan melabur dalam skala lebih besar ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, untuk mencapai cita-cita negara maju, Malaysia perlu menjadi pengeluar dan pencipta teknologi, bukannya terus menerus kekal menjadi pengguna teknologi.

Kumpulan penyelidik katanya, perlulah lebih agresif dalam penyelidikan dan berani menerokai bidang baru dengan pendekatan yang lebih saintifik dan terkini.

"Peranan penternak sebagai pembekal makanan asas juga akan menjadi lebih penting dan penternak yang mengamalkan cara lama pasti sudah ketinggalan.

"Mereka sebaliknya perlulah berani menerima teknologi baru dan membuat pelaburan dalam skala lebih besar untuk memastikan sentiasa relevan terhadap keperluan warga ternak, industri ternakan dan rakyat secara amnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas merasmikan Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar di Freeport A'Famosa, Alor Gajah hari ini.

Hadir sama Ketua Menteri Adly Zahari, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Datuk Salahuddin Ayub serta Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Mengulas lanjut, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau yakin Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan terus melaksanakan dasar yang selari dengan perubahan di dalam masyarakat dan industri dari segi perkembangan pengetahuan serta teknologi berkaitan dengan pertanian.

Dr Wan Azizah berkata, dokumen Hala Tuju MOA: Prioriti dan Strategi 2019- 2020 yang dilancarkan Februari lalu dirangka berasaskan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu keselamatan makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa.

"Dokumen ini juga memberi penekanan dan perhatian kepada industri pengeluaran daging lembu, kambing dan tenusu.

"Selain keperluan menyediakan daging dan tenusu, industri penternakan ruminan ini adalah satu aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan luar bandar," katanya.

Beliau yakin JPV akan terus melaksanakan dasar yang selari dengan perubahan di dalam masyarakat dan industri dari segi perkembangan pengetahuan dan teknologi berkaitan pertanian.

| Headline | Perlu berani terima teknologi baharu | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 20 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 310 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,845 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,534 |





**SETEM KENANGAN...**Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato Salahuddin Ayub (tiga, kiri) menunjukkan Setem Kenangan 125 Tahun sempena Sambutan 125 Tahun Jabatan Perkhidmatan Veterinar semalam. • Foto Bernama

# Perlu berani terima teknologi baharu

**ALOR GAJAH:** Pemain industri penternakan perlu berani menerima teknologi baharu dan membuat pelaburan berskala lebih besar dalam usaha mentransformasikan bidang itu bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, penternak dinasihatkan agar meninggalkan cara lama yang dianggap sudah ketinggalan dengan mengamalkan cara baharu yang lebih berdaya saing.

"Daya saing adalah senjata yang paling sesuai dalam pasaran yang lebih terbuka... penduduk negara kita bertambah ramai, peranan penternak sebagai pembekal makanan asas akan menjadi lebih penting," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan Ke-125 tahun Veterinar Malaysia di sini, semalam.

Turut hadir semasa majlis itu Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato Salahuddin Ayub dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Wan Azizah berkata, selain keperluan untuk menyediakan daging dan tenusu, industri penternakan antara aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan luar bandar.

Katanya, usaha itu adalah sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara iaitu menjamin keselamatan bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan, serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasar.

Beliau yakin bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus melaksanakan dasar-dasar yang selari dengan perubahan di dalam masyarakat dan industri dari segi perkembangan pengetahuan dan teknologi berkaitan dengan pertanian.

"Cabaran seterusnya adalah untuk mengangkat industri ternakan menjadi pemain penting dalam usaha ke arah transformasi ekonomi berpendapatan tinggi dan dalam masa sama memastikan Perkhidmatan Veterinar sentiasa relevan terhadap keperluan warga ternak, industri ternakan dan rakyat secara amnya," katanya.

Pada tahun 2018, industri ternakan telah mencatatkan nilai pengeluaran pada tahap RM 14.785 bilion dan menyumbangkan 14.86 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian dan 1.11 peratus KDNK negara.

"Beberapa subsektor menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan, antaranya ialah industri telur, ayam pedaging, itik dan sarang burung walit," katanya. - Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Wan Azizah: Bird`s nest industry worth to be promoted | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A6 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 326 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,655 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,965 |



## 旺姐：具潜能对环境友善
# 燕窝行业值得推广

（马六甲26日讯）副首相拿督斯里旺阿兹莎指出，燕窝是我国深具潜能的农产品，并且此行业对环境友善，值得大力推广。

她表示，燕窝出口业曾创下40%增长率的记录，因此它应该受到更多的重视。

她说，2018年，我国养殖业的出口达到147亿8500万令吉，占了农业生产总值的14.86%，并贡献我国生产总值的1.11%。

"当中出口的主要农产品，除了燕窝，还包括肉鸡、鸡蛋和鸭肉。"



旺阿兹莎（中）为"兽医服务125周年纪念"庆典主持开幕。左起沈志勤及阿德里；右起华查尼查慕丁及沙拉胡丁。

旺阿兹莎是周四在马六甲，为"兽医服务125周年纪念"庆典主持开幕仪式时，如是表示。

在场者包括农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁、副部长沈志勤、兽医局总监拿督华查尼查慕丁、甲州首长阿德里、行政议员林秀凌等。

旺阿兹莎继说，为了成为先进国，马来西亚必须自己发明和生产新技术和工具，不能只依靠他国的技术，尤其研究团队更要勇于钻研新的领域。

她指出，我国人口将日益增长，对于食粮的需求也随之增加，因此，作为供应粮食的养殖业者之角色也会变得更为重要，仍然采用旧养殖法的人必定会被淘汰，他们必须采纳新的技术，同时注入更多的资金，才能够有更高的竞争力面对市场挑战。#

## 沙拉胡丁：牲畜供应计划
# 首阶段选千名B40养殖者

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，即将在明年推行的"牲畜供应计划（Skim Rezeki Ternakan）"，首阶段将选出来自B40群体的1000名养殖者参与。

他说，在该计划下，每名参与者将获得供应5头牛或10头羊，而当局也会提供他们培训，确保他们掌握更好的养殖技术和农场管理方式。

他表示，该部已向财政部提呈上述计划的拨款申请，会纳入明年度的财政预算案，惟还无法知道所获分配的款额是多少。

他指出，目前本地生产的牛肉只足够应付23%的市场需求，77%必须靠进口牛肉，希望上述计划推行5年后，可把本地的牛肉供应量提升到30%。

他说，其实我国在60、70年代期间曾经实行类似计划，但因人为因素，使它实行10年后便告终止。

"当时，有关计划确实有助增加本地牛肉的供应，这次，部门和兽医局会严厉审核申请者，以确保这项计划成功且不被滥用。"

沙拉胡丁是出席"兽医服务125周年纪念"庆典后，在记者会上如是表示。

另外，他也表示，该部亦会致力提升本地奶牛的养殖，以提供鲜奶给国内小学。

他说，研究证明，鲜奶有益孩童的发展，而提供优良品质的食物给学生，也是该部的目标之一。

### 五屿岛野猪已抽样鉴定来源

另一方面，针对早前印尼山猪从苏门答腊游泳越过马六甲海峡登陆五屿岛繁殖之事，兽医局总监拿督华查尼查慕丁说，当局已抽取有关猪只样本进行化氧核糖核酸（DNA）检验，以鉴定野猪的来源。

无论如何，他说，兽医局或农业部至今都没有接获山猪数量增加的投报。

本月初，甲州农业、企业发展、农基工业及合作社事务委员会主席诺依占声称，五屿岛的山猪数量剧增，并指他们是从苏门答腊游泳越过马六甲海峡登陆五屿岛繁殖，岛上许多财物也遭破坏。#

| Headline | Wan Azizah: Give attention to birds nests industry for its huge potential | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A8 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 418 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,245 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,736 |



# 養燕業潛能大需關注

## 旺阿茲莎：出口額增40%創紀錄





■旺阿兹莎（左2）主持开幕礼。左起为沈志勤、沙拉胡丁阿育、华查尼查慕丁及阿德里。

（马六甲26日讯）副首相拿督斯里旺阿兹莎指出，燕窝是我国极具潜能的农产品，创下一年出口额增长40%的纪录，值得大力推广。

她说，养燕业对环境友善，潜能极大，需受到更多的关注与重视。

她说，我国养殖业于2018年的出口额达147亿8500万令吉，占农业生产总值14.86%，也占国民生产总值的1.11%。当中数项农产品的出口成长令人鼓舞，除了燕窝，还包括肉鸡、鸡蛋及鸭肉。

旺阿兹莎今日为兽医服务125周年庆典主持开幕仪式上致词时，如是指出。出席者包括农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育、副部长沈志勤、兽医局总监拿督华查尼查慕丁、甲州首席首长阿德里、甲州妇女、福利及郊区发展委员会主席林秀凌等。

### 帶動郊區發展

旺阿兹莎说，在国家农业食品政策下，农业及农基工业部目前着重提高牛肉、羊肉及乳制品的产量，除了供应市场需求，养殖业也可带动经济及郊区发展。

她说，该部计划在5年内，让本地生产的新鲜乳制品可应付内需，进而停止进口。

"至于牛肉，该部计划透过在油棕园20至25%的园地养牛；具有生产力的母牛，也会控制宰杀。"

她指出，透过这些策略，该部希望能在5年内，将国内自供的牛肉，从现有的23%，提升至30%。

另一方面，旺阿兹莎说，为了成为先进国，我国必须自行发明和生产新技术和工具，不能一味依靠他国的技术。

"随着我国人口增加，对于粮食的需求也增加，因此，养殖业若依然采用传统操作必定会被淘汰，必须采纳新的技术，并投入更多的资金。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | DPM: Bird`s nest industry should be valued | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 195 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,955 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,864 |





■旺阿兹莎（中）与嘉宾展示兽医服务125周年纪念邮票。左起为沈志勤、阿德里，右起是科沙尼桑慕丁及沙拉胡丁。

## 副揆：對環境友善
# 燕窩業應獲重視

（马六甲26日讯）副首相兼妇女及家庭发展部长拿督斯里旺阿兹莎认为，燕窝业是一门对环境友善的行业，应获得重视。

她说，燕窝业拥有优秀的潜能，一年的成长率可达至40%。

### 一年成长率可达40%

副首相是于今日出席在马六甲举行的兽医服务125周年活动上，这样指出。在场者包括甲州首席部长阿德里、农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁、副部长沈志勤、兽医局总监拿督科沙尼桑慕丁。

旺阿兹莎说，其他禽畜业如养鸡鸭业的发展虽已稳定，但有需要采取转变，除了提高生产品质，也需对环境更加友善。

她表示，禽畜业共创造了140亿令吉的出产额，占国家农业生产总值的14.86%，或占国家生产总值的1.11%。“蛋鸡、肉鸡、鸭、燕窝的出口成长令人鼓舞，显示我国在这方面的强项。”

她指出，在私人界与政府的共同合作下，我国的养鸡业已达至100%自供自给的情况，她希望养牛及养羊业也能更进一步的提升。

副首相也劝请畜牧业者勿依赖外国科技，并促请本地研究者加强研讨，利用科学探索及开拓新的领域。

“随着国家人口的增加，畜牧业者的角色更重要，使用旧方式的业者将被抛在后头，在自由市场里，竞争力是一项重要的武器，畜牧业者需接受新科技及更大面积的投资。”(LSL)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | DPM : Bird nest industry has great potential | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A20 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 890 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,195 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 33,585 |




## 副揆：一年出口增长40%

# 燕窝潜能大值得推广

**（马六甲 26 日讯）副首相拿督斯里旺阿兹莎医生说，燕窝是我国具备潜能的农产品，创下一年出口增长40%的纪录，值得推广。**

**她说，我国养殖业 2018 年的出口额达 147 亿 8500 万令吉，占农业生产总值 14.86%，或占国民生产总值的 1.11%。**

“当中数项农产品的出口成长令人鼓舞，除了燕窝，还包括肉鸡、鸡蛋和鸭肉。”

旺阿兹莎认为养燕业对环境友善，潜能极大，需获更多的关注与重视。

旺阿兹莎今日出席在甲州举行的 125 周年兽医日开幕，这样表示。

出席者包括农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁、副部长沈志勤、兽医局总监拿督华查尼查嘉丁、马六甲首席首长阿德里。



旺阿兹莎（左二）为大会开幕。左为沈志勤；右起阿德里、华查尼查嘉丁与沙拉胡丁。

### 养殖业须研发新技术

她也说，在国家农业食品政策下，农业与农基工业部目前着重提高牛肉、羊肉和乳制品的产量，除了供应市场需求，养殖业也可以带动经济与郊区发展。

“农业与农基工业部计划 5 年内，让本地生产的新鲜乳制品足以应付内需，进而停止进口。”

她说，至于牛肉，亦计划通过在油棕园 20 至 25% 的园地养牛，而具有生产力的母牛，也会控制宰杀。

她相信通过这些策略，5 年内国内自供的牛肉能由现有的 23%，提高至 30%。

此外，副首相说，为了成为先进国，我国必须研发新技术和工具，不能只依赖他国的技术。

“我国人口增加，对于粮食的需求相对增加，假使养殖业依然采用传统操作，必定会被淘汰，这个行业必须投入更多资金，使用新技术。”

## 农业部申请拨款 拟明年落实畜牧生计

农业与农基工业部已申请拨款，准备明年落实畜牧生计计划，首阶段会选出 1000 名来自 B40 群体的畜牧业者参与。

部长拿督沙拉胡丁说，参与该计划的每个人会获得 5 头牛或 10 头羊，再提供农场管理培训，让参与者掌握更好的技术，以增加牛、羊肉的产量与市场需求。

“政府目标是 5 年内把现有的牛肉自供水平，从 23% 提高至 30%。目前，国内 77% 的牛肉需要依赖入口。”

他说，此计划于 1960、70 年代进行，当时确实成功增加了养饲的数量和供应内需，但因人为因素而中止。

他透露，该部经已向财政部提交该计划书，要求拨款纳入明年度财政预算案。

另一方面，针对有山猪由印尼苏门答腊游过马六甲海峡，登上甲州丹绒岛的事，部长说，该部至今没接获国家公园与野生动物保护局的报告，

指山猪数量增加。

此外，兽医局总监拿督华查尼查嘉丁说，兽医局经已抽取被捕的山猪的样本，以进行脱氧核糖核酸化验，确定山猪的来处。

“现在还不确定山猪是来自印尼，需等报告出炉。”

本月初，甲州行政议员诺依古透露，印尼山猪被发现由苏门答腊游过马六甲海峡，在丹绒岛上岸。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Government values bird`s nest industry, grows 40pct annually | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A5 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 421 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,384 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,152 |



# 每年增长40%
# 政府重视燕窝业

**马六甲26日讯**｜副首相拿督斯里旺阿兹莎表示，国内燕窝业每年增长40%，具有强大的市场潜能，因此该领域需给予更多的关注。

她说，去年我国的畜牧业总生产额为147亿8500万令吉，为农业生产总值贡献了14.86%，并占国内生产总值的1.11%。

「其中鸡蛋、肉鸡、鸭肉及燕窝行业的出口有令人鼓舞的增长，证明大马在这些方面的优势。燕窝业是个拥有很大潜能及对环境友善的行业，应当受到重视。」

她是于今日早上在甲州为大马兽医局庆祝125周年庆主持开幕，在致词中如是指出。

出席者包括农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育、副部长沈志勤、兽医局总监拿督古亚扎尼查慕丁、甲首长阿德里、行政议员诺依占、林秀凌等。

她表示，兽医的工作十分挑战，不但得控制危险动物疾病如疯狗症、禽流感等，同时也需确保国民的安全受到保障。

## 鼓励研究员大胆创新

「而正在全世界肆虐的跨国界动物疾病如非洲猪瘟，若未能及时防范更是足以摧毁国家畜牧养殖业，因此我十分感谢每位兽医所作出的牺牲。」

她说，为了达成先进国目标，大马须成为科技研发国，而非一味依赖他国科技技术，同时鼓励研究人员在研究方面更为大胆创新，踊跃使用新技术钻研新领域。



旺阿兹莎（左2）推介大马兽医局庆祝125周年庆所推出的纪念邮票，左起为沈志勤、沙拉胡丁阿育、古亚扎尼查慕丁及阿德里。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 40 |

# Dua bot Vietnam ditahan

**KEMAMAN 26 Sept.** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua bot nelayan Vietnam bersama 22 kru termasuk tekong yang merompak hasil laut negara di perairan negeri ini semalam.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot itu ditahan antara pukul 5.05 dan 5.40 petang di kedudukan 127 hingga 130 batu nautika timur laut Kuala Kemaman.

Katanya, kesemua yang ditahan berumur antara 23 hingga 67 tahun itu kemudian dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan membabitkan ikan campur sebanyak 2,000 kilogram, ikan baja (1,800 kilogram), diesel (2,000 liter) di samping peralatan tangkapan ikan dan bot dianggarkan berjumlah RM2.3 juta," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rashidilhadi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985.

Katanya, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam akan diteruskan tanpa henti dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi melindungi hasil laut negara daripada dirompak.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai agar melaporkan kepada Maritim Malaysia mengenai sebarang aktiviti mencurigakan melibatkan bot berserta nelayan asing menerusi talian MERS 999 yang beroperasi 24 jam.

Dalam pada itu, kesemua nelayan Vietnam berkenaan kini direman tujuh hari hingga 2 Oktober depan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | EAFM pastikan perikanan kekal ekosistem dan konsisten | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 27 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# EAFM pastikan perikanan kekal ekosistem dan konsisten

LABUAN: Inisiatif Program Pengurusan Perikanan Berasaskan Ekosistem (EAFM) yang ditubuhkan kumpulan kerja negara-negara Asean berfungsi memastikan pengurusan perikanan mengekalkan ekosistem yang lebih konsisten.
Pengarah Perikanan Labuan Faizal Ibrahim b...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Maritim Malaysia tahan dua bot Vietnam



KEMAMAN 26 Sept. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua bot nelayan Vietnam bersama 22 kru termasuk tekong yang merompak hasil laut negara di perairan negeri ini semalam.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot itu ditahan antara pukul 5.05 dan 5.40 petang di kedudukan 127 hingga 130 batu nautika timur laut Kuala Kemaman.

Katanya, kesemua yang ditahan berumur antara 23 hingga 67 tahun itu kemudian dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan membabitkan ikan campur sebanyak 2,000 kilogram, ikan baja (1,800 kilogram), diesel (2,000 liter) di samping peralatan tangkapan ikan dan bot dianggarkan berjumlah RM2.3 juta," katanya di sini hari ini.

Rashidilhadi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985.

Katanya, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam akan diteruskan tanpa henti dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi melindungi hasil laut negara daripada dirompak.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai agar melaporkan kepada Maritim Malaysia mengenai sebarang aktiviti mencurigakan melibatkan bot berserta nelayan asing menerusi talian MERS 999 yang beroperasi 24 jam

Dalam pada itu, kesemua nelayan Vietnam berkenaan kini direman selama tujuh hari hingga 2 Oktober depan. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Jabatan Pertanian pantau jualan racun makhluk perosak tidak berdaftar



KOTA KINABALU: Pelbagai taktik digunakan penyeludup untuk membawa masuk racun makhluk perosak haram dan tidak berdaftar dari negara jiran melalui pintu masuk negara.

Malah, ada rampasan mendapati racun haram itu diproses dan dilabel di kilang di dalam negara tetapi tidak berdaftar.

Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian pusat, Sukati Sakka, berkata berdasarkan rekod, racun haram terbabit dibawa dari China dan Thailand.

"Mereka import racun ini melalui pintu masuk negara dengan cara tidak betul iaitu pelbagai tipu helah digunakan termasuk mengisytiharkan dan label sebagai baja tetapi di dalamnya adalah racun.

"Di Sabah pula, kebanyakan dibawa masuk dari kawasan Sandakan dan Tawau, berkemungkinan besar disebabkan kawasan itu bersempadan dengan negara jiran seperti Indonesia dan Filipina.

"Kita juga mengenal pasti racun haram ini dikilang dan diproses dalam negara kita, contohnya awal tahun ini kita ada rampasan di kilang di Perak, di mana di situ juga ia diproses dan dilabel namun tidak lengkap dan tidak berdaftar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Membanteras Kemasukan Racun Makhluk Perosak Haram dan Tidak Berdaftar di Sabah dan Kempen Pengharaman Paraquat di sini, hari ini.

Sukati berkata, usaha untuk membanteras racun haram sentiasa dibuat melalui penguatkuasaan di seluruh negara membabitkan agensi lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan serta pengendali platform jualan secara dalam talian.

Beliau berkata, disebabkan ada juga penjualan racun haram dilakukan secara dalam talian, justeru pihaknya mengadakan pertemuan dengan penyedia platform seperti Lazada, 11street dan mudah.my baru-baru ini untuk memperkenalkan kempen dan akta yang perlu patuhi berhubung perkara itu.

"Buat masa ini, kita ada membuat pemantauan di seluruh negara, pegawai kita diberi tugas mencari maklumat di dalam platform itu (dalam talian). Sekiranya didapati (ada penjualan racun haram) kita beri maklumat kepada penyedia platform dan mereka bersetuju untuk mengeluarkan iklan yang tidak mematuhi peraturan daripada senarai jualan.

"Dalam jangka panjang, kita akan memikirkan bagaimana untuk bekerjasama dengan Jabatan Farmasi kerana mereka ada bahagian forensik dan kita belajar daripada mereka bagaimana untuk menangani isu penjualan secara atas talian," katanya.

Terdahulu, Sukati berkata, pihaknya sedang giat menjalankan Kempen Pengharaman Paraquat di seluruh negara sebelum penggunaannya akan diharamkan yang berkuat kuasa pada Januari depan.

"Sebelum ini, penggunaan racun ini terhad kepada empat jenis tanaman saja iaitu kelapa sawit berusia bawah dua tahun, getah, padi bukit dan kegunaannya untuk membunuh tunggul nanas dengan dipantau mengikut Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Racun Makhluk Perosak Amat berbisa) 1996.

"Namun, racun Paraquat ini tiada antidot dan tidak mudah terurai dalam tanah serta mendatangkan kesan jangka panjang terutama kesihatan dan boleh membawa maut kepada manusia.

"Oleh itu, sehingga 17 Oktober ini kita sudah tidak keluarkan permit untuk membeli Paraquat dan selepas dikuatkuasakan pada Januari 2020, racun Paraquat tidak boleh dijual dan jika ditemui, kami akan rampas," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH | 35 |

# Maqis rampas 1,000kg petai

**PADANG TERAP** - Sebanyak 1,000 kilogram (kg) petai yang cuba dibawa masuk melalui laluan kargo secara tidak sah dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah di Kompleks ICQS Durian Burung di sini baru-baru ini.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Pakianathan berkata, pihaknya menggagalkan cubaan membawa masuk keluaran pertanian secara tidak sah apabila menahan sebuah lori ketika melakukan pemeriksaan.

Menurutnya, pihaknya merampas keluaran pertanian apabila lori membawa muatan keluaran pertanian dianggarkan kira-kira 1,000kg dari Thailand itu tidak mematuhi syarat import sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan.

"Maqis Kedah telah mengeluarkan kompaun RM1,000 kepada pengimport tersebut setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 1,000 kg petai dirampas



Maqis Kedah gagalkan cubaan bawa masuk petai secara tidak sah. Gambar kecil, Kira-kira 1,000kg petai dirampas Maqis Kedah dalam pemeriksaan di Kompleks ICQS Durian Burung baru-baru ini.

PADANG TERAP - Sebanyak 1,000 kilogram (kg) petai yang cuba dibawa masuk melalui laluan kargo secara tidak sah dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah di Kompleks ICQS Durian Burung di sini baru-baru ini.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind Pakianathan berkata, pihaknya menggagalkan cubaan membawa masuk keluaran pertanian secara tidak sah apabila menahan sebuah lori ketika melakukan pemeriksaan.

Menurutnya, pihaknya merampas keluaran pertanian apabila lori membawa muatan keluaran pertanian dianggarkan kira-kira 1,000kg itu tidak mematuhi syarat import sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan.

"Sehubungan itu, Maqis Kedah telah mengeluarkan kompaun RM1,000 kepada pengimport tersebut setelah mendapat kebenaran Timbalan Pendakwa Raya serta peringatan kepada pengimport tersebut atas kesalahan tidak mematuhi syarat import sebagaimana dinyatakan dalam perakuan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, penahanan keluaran pertanian ini adalah bertujuan untuk mengawal kemasukan perosak seperti serangga perosak buah dan penyakit yang boleh merosakkan industri pertanian dalam negara jika tidak dikawal dengan sebaiknya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 62 |

# Guna dron racun, tabur baja sawah

## Petani MADA manfaat teknologi baharu kurangkan tenaga manusia


Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my


**Pendang:** Petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kini beralih kepada penggunaan teknologi pertanian baharu termasuk menggunakan dron bagi melakukan kerja sawah.

Melalui kaedah moden itu, kerja membaja dan menyembur racun yang mengambil masa hampir sebulan menggunakan tenaga manusia, kini dapat dikurangkan hampir 50 peratus.

Sebuah syarikat, EasyFly Autonomous Solution menawarkan perkhidmatan itu dengan bayaran berpatutan.

Ketika ini, kira-kira 50 pesawah yang mempunyai 200 hektar di Kedah dan Perlis menjadi pelanggan syarikat itu.

Ketua Pegawai Eksekutif EasyFly Autonomous Solution, Mior Qayyum Izzudin Mior Khairi, berkata proses menyembur racun menggunakan dron dan teknik Ultra Low Volume (ULV) iaitu penyemburan halus secara kabus memudahkan penyerapan cairan ke dalam tanaman.

Ketika proses semburan dilakukan, tekanan kipas dron akan menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi supaya racun sampai ke pangkal tumbuhan.

"Dron juga bersifat 'jujur' apabila berupaya mengesan koordinat lokasi penyemburan dalam sawah secara tepat kerana dilengkapi sistem pengesanan global (GPS).

"Jika bateri lemah semasa penyemburan, dron akan dibawa semula kepada pengendali untuk menukar bateri dan apabila ia diterbangkan, ia akan kembali ke lokasi terakhir penyemburan untuk kembali bermula di situ," katanya kepada *BH*.

Qayyum berkata, semburan racun atau baja menggunakan tenaga manusia menyebabkan semburan tidak rata, selain terpaksa memijak tanaman yang boleh menyebabkan penyebaran penyakit.

Bagaimanapun, dengan menggunakan dron, masalah itu tidak timbul, selain menjimatkan masa.

"Setiap relung atau 0.35 hektar sawah hanya mengambil masa kira-kira 10 minit untuk menyembur racun. Bagi keluasan 14 hektar, dron mampu menghabiskan semburan dalam tempoh sehari, berbanding tenaga manusia hanya mampu membuat semburan kira-kira tiga hektar sehari," katanya yang mempunyai lesen mengendali dron dari Australia.

EasyFly Autonomous Solution mempunyai enam kakitangan berkemahiran mengendalikan dron.

Sementara itu, pesawah, Mohd Hafriz Abdul Alim, 27, menggunakan perkhidmatan dron bagi melancarkan kerjanya di sawah seluas 20 hektar di Kampung Kubang Pisang dan Kampung Bukit Sekecong, Pendang.

Beliau kagum dengan pengenalan teknologi dron apabila kerja semburan racun dan baja setiap relung sawah dapat diselesaikan hanya dalam tempoh yang singkat.

"Upahnya sama sahaja dengan menggunakan tenaga manusia iaitu RM20 serelung, yang penting saya mendapat hasil yang lebih baik kerana proses penyemburan racun dan baja sangat berkesan.

"Saya merancang untuk menyewa sawah lain dan turut akan menggunakan khidmat dron, saya yakin dengan menggunakan dron, lebih ramai anak muda akan berminat mengusahakan sawah daripada makan gaji," katanya yang menggunakan dron sejak Jun lalu.




**Mior Qayyum Izzuddin (tiga dari kanan)** *bersama pekerjanya selepas selesai proses semburan racun padi menggunakan dron di Mukim Tobiar, Pendang, semalam.*
(Foto Amran Hamid/BH)



**Penggunaan dron untuk kerja meracun** *dan membaja sawah mampu mengurangkan kira-kira 50 peratus tenaga manusia.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Mesyuarat Agung PPN Kedah tolak pewartawan Peraturan Pertubuhan Peladang



SUNGAI PETANI 26 Sept. - Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah yang berlangsung di sini, hari ini, hampir sebulat suara menolak pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 pada April lalu, kerana disifatkan oleh ahli-ahlinya sebagai satu bentuk campur tangan politik dalam pertubuhan itu.

Keputusan tersebut sekali gus mungkin akan mempengaruhi PPN-PPN di negeri-negeri lain yang bakal mengadakan mesyuarat agung masing-masing dalam masa terdekat.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, menerusi pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019, membolehkan sebahagian Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan PPN dilantik melalui kuasa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kata beliau, di peringkat Nafas, seramai enam orang AJP Nafas boleh dilantik di bawah kuasa menteri itu dan hanya lima orang melalui pemilihan mesyuarat agung pertubuhan tersebut.

"Begitu juga di peringkat PPN, seramai lima orang AJP PPN boleh dilantik oleh menteri terlibat dan hanya empat orang sahaja dipilih melalui mesyuarat agung PPN.

"Ini menunjukkan bahawa adalah jelas PPN menolak sebarang bentuk campur tangan politik dalam pertubuhan peladang (PPN) dan perkara ini disuarakan melalui mesyuarat agung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Mesyuarat Agung PPN Kedah di sebuah hotel di sini, hari ini, yang dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasruddin.

Sebelum ini, kesemua 42 PPK yang menaungi 100,000 orang petani di negeri ini membantah sekeras-kerasnya terhadap pindaan komposisi AJP pertubuhan itu yang dianggap campur tangan politik.

Pindaan yang berkuat kuasa 1 Mei lalu itu, telah mencabul hak ahli-ahli pertubuhan dan 'merampas' kuasa mereka untuk melantik AJP di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

Pada April lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melakukan pewartaan terhadap Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 untuk mentranformasikan kepimpinan Pertubuhan Peladang di tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), PPN dan Nafas. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI TERENGGANU | 40 |

# Komited tumpu sektor pertanian

*Bagi memanfaatkan tanah-tanah terbiar di Terengganu*

RAHAYU MUSTAFA

BESUT



Ahmad Samsuri (dua dari kiri) melihat lembu sado yang turut dipamerkan sempena HPPN peringkat negeri Terengganu di Dataran Pekan Jabi, Besut bermula 25 hingga 28 September ini.

Kerajaan Terengganu komited memajukan sektor pertanian dan perladangan dengan mencari peluang baharu bagi memanfaatkan tanah-tanah kosong yang ada di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, sehingga kini terdapat 12,000 hektar tanah terbiar di Terengganu yang boleh digunakan untuk merakyatkan ekonomi sama ada bidang penternakan, perikanan mahupun perladangan.

"Sebab itu, saya selalu sebut kepada Exco supaya sentiasa cari ruang supaya kita boleh perkasakan ekonomi nelayan, petani, peladang dan penternak dan tahun 2020 kita akan terus fokus kepada bidang ini," katanya selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) peringkat negeri Terengganu di Dataran Pekan Jabi, Besut semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim.

HPPN yang berlangsung selama empat hari bermula 25 September menyajikan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung termasuk pertandingan lembu sado, pameran haiwan seperti kambing dan burung, 70 gerai jualan usahawan dan makanan popular serta pameran pelbagai agensi dan jabatan.

Seramai 50,000 pengunjung dijangka menghadiri sepanjang program tersebut berlangsung dengan nilai jualan dianggarkan mencecah RM400,000.

Dalam ucapannya, Ahmad Samsuri berkata, HPPN dilihat amat bermanfaat bukan sahaja kepada masyarakat setempat malah turut memberi peluang kepada pemain sektor pertanian mahupun pengusaha industri asas tani seluruh negeri Terengganu untuk menambah pendapatan menerusi program ini.

Beliau berkata, Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 yang dilancarkan kerajaan juga telah disusun dengan memfokuskan beberapa strategi termasuk pemulihan dan memanfaatkan sebaiknya semua kemudahan dan infrastruktur pertanian dan asas tani yang telah sedia ada.

"Strategi seterusnya ialah penyenaraian, mengemas kini semula semua status tanah-tanah kerajaan yang dirizabkan dan diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan pertanian, perikanan dan penternakan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan ibu bapa agar memupuk minda anak-anak muda mendekati bidang pertanian kerana pelbagai insentif dan kemudahan disediakan bagi membuka peluang kepada pelapis dan pemain baharu dalam bidang pertanian.

"Walaupun tempat kerjanya tidak di pejabat berhawa dingin namun jika dilaksanakan dengan tekun dan mengikut kaedah yang tepat, Insya-ALLAH anak kampung mampu menjadi usahawan dan jutawan kelak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Terengganu mahu contohi konsep pertanian bandar di Jepun



BESUT - Kerajaan Terengganu berhasrat mencontohi konsep pertanian bandar yang dilaksanakan di Tokyo, Jepun kerana kaedah itu mampu meningkatkan hasil pertanian tiga kali ganda berbanding kaedah pertanian konvensional.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, teknologi yang digunakan di Jepun lebih efisien walaupun keadaan tanah tidak sesuai, mereka masih boleh gunakan ruang yang ada dengan memanfaatkan kaedah fertigasi.

"Teknologi ini yang akan kita terokai di Terengganu melibatkan usaha pihak kerajaan serta swasta yang berminat untuk meneroka bidang tertentu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Terengganu di Jabi dekat sini hari ini.

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Terengganu yang bermula semalam hingga Sabtu ini menyasarkan kehadiran lebih 50,000 pengunjung dengan nilai jualan melebihi RM400,000.

Sebanyak 60 gerai jualan produk usahawan industri kecil dan sederhana serta 35 gerai pameran jabatan dan agensi kerajaan boleh dikunjungi sepanjang sambutan itu.

Ahmad Samsuri turut menyarankan golongan muda supaya memanfaatkan kecanggihan teknologi terkini untuk meneroka sektor pertanian, perladangan dan perikanan secara komersial.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, Terengganu mempunyai kira-kira 12,000 hektar tanah pertanian yang masih belum diusahakan ketika ini.

"Terengganu berada di kedudukan kedua selepas Pahang yang berjaya dalam memajukan tanah terbiar dan saya yakin lebih banyak tanah akan diusahakan melalui pelbagai galakan dan insentif yang akan diperkenalkan dalam Bajet Terengganu untuk tahun 2020," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 27/9/2019 | HARIAN METRO | WM | 75 |


# 3 TAHUN TAK BELI SAYUR

## Suhafiza hanya petik tanaman untuk dimasak di belakang rumah



1. SUHAFIZA menunjukkan pokok yang dibeli pelanggan.

2. BERSAMA dua anak comel yang turut membantu menyiram pokok.

3. SAWI yang ditanam menggunakan kaedah hidroponik.

4. ANTARA sayuran yang menghiasi laman rumah Suhafiza.

KEBUN DAPUR

Oleh Siti Zarinah Sahib
sitizarinah@hmetro.com.my

**Sejak** memulakan aktiviti berkebun di rumah, kini hampir tiga tahun Suhafiza Sudin, 37, tidak membeli sayur-sayuran di pasar.

Apa sahaja menu sayuran yang terlintas di fikirannya dia akan memetik bahan mentah di belakang rumah untuk dimasak. Jemu dengan bayam dan sawi, dia boleh beralih kepada kangkung, kailan, bendi dan terung selain pelbagai jenis herba dan ulam-ulaman.

Menurut suri rumah yang menetap di Pekan, Pahang ini, minat berkebun bermula sejak kecil selepas melihat ibunya juga aktif menanam pelbagai jenis sayur-sayuran di halaman rumah.

"Saya pula rajin menolong ibu menanam sayur menggunakan kaedah hidroponik. Sedikit demi sedikit saya belajar cara penanaman sebegini. Agak mudah kerana ia tidak memerlukan saya menyiram setiap hari," katanya.

Selepas berkahwin dan menetap di rumah sendiri, Suhafiza mula menanam tumbuhan herba secara kecil-kecilan. Ketika itu ia hanya untuk kegunaan sendiri.

"Berbekalkan modal permulaan RM50, saya membeli tanah, pasu, benih dan peralatan menanam. Kemudian mula menyemai kesum dan kunyit kerana daun-herba ini sering digunakan dalam masakan.

"Kemudian berdikit-dikit saya menambah koleksi kepada sayuran hijau seperti bayam, sawi dan kangkung yang ditanam menggunakan kaedah hidroponik," katanya.

Melihat kehijauan pokok herba, dia semakin bersemangat cuba menyemai pelbagai jenis benih popular seperti strawberi, pokok tin, limau kasturi, kacang panjang, terung, asparagus, kubis, bunga kobis, bunga daisy dan mawar di dalam pasu besar. Mudahnya berkebun apabila tanamannya tidak berhadapan masalah serangga atau kerosakan daun kerana rajin menjaganya.

"Saya menggunakan baja campuran AB dua kali seminggu mengikut jadual. Tanaman yang menggunakan tanah disiram dua kali sehari dengan bantuan suami dan anak-anak. Alhamdulillah seisi keluarga turut membantu menyiram pokok. Mereka juga mula berminat menanam sayur-sayuran," katanya.

Menggunakan sepenuhnya ruang di halaman rumah, jelas Suhafiza, antara kelebihan kaedah hidroponik ialah ia menjimatkan ruang. Malah ia tidak perlu disiram walaupun pemiliknya terpaksa bekerja di luar kawasan melebihi seminggu.

"Selain di luar rumah, hidroponik juga sesuai di kawasan tertutup seperti pangsapuri asalkan mempunyai saluran air yang mencukupi," katanya.

Mempunyai kepakaran dalam menghasilkan hidroponik sendiri, Suhafiza turut menerima tempahan daripada rakan-rakan yang ingin mencuba dan berhasrat menanam sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri.

"Ada juga pihak sekolah yang mahu membeli set hidroponik untuk sekolah mereka. Setakat ini hampir 100 set hidroponik sudah terjual," katanya yang turut menanam pelbagai jenis kaktus dari Cameron Highlands. Selain dijadikan hiasan halaman kaktus 'comel' ini turut menerima tempahan daripada kawan-kawannya.

Ditanya tanaman kegemarannya jelas wanita ini, dia gemar menanam strawberi kerana senang dijaga. Anak-anaknya penggemar buah yang biasanya ditanam di kawasan tanah tinggi itu.

Menurut Suhafiza, sejak mengusahakan kebun mini itu, rezekinya semakin bertambah apabila ramai bertanya mengenai benih dan baja yang digunakannya. Dia juga turut menjual benih pokok kepada mereka yang memerlukannya.

"Mula-mula dulu ramai jiran datang ke rumah untuk melihat sayur-sayuran. Kebanyakannya tidak pulang dengan tangan kosong, pasti dibekalkan sayur-sayuran. Oleh kerana kerap memuat naik di laman Facebook menyebabkan tempahan benih datang dari luar seperti Kedah, Pulau Pinang termasuk Sabah, Sarawak dan Singapura.

"Alhamdulillah saya semakin gembira dengan apa yang saya lakukan. Rezeki semakin bertambah, jiwa pula lebih tenang apabila setiap hari dapat membelai dedaun dan bercakap-cakap dengan pokok-pokok ini," katanya.





